

25 SEP 2003

Parlimen-Bahas (Bajet)

STATUS TUNTUTAN SEMPADAN LIMBANG DIBANGKIT DALAM DEWAN

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Seorang penyokong kerajaan dari Sarawak hari ini membangkitkan mengenai status perbincangan antara kerajaan Malaysia dan Brunei dalam menyelesaikan isu kedudukan Limbang.

Henry Sum Agong (BN-Bukit Mas) ketika membahaskan Bajet 2004 di Dewan Rakyat berkata rakyat ingin tahu sejauh mana perbincangan itu telah dijalankan dan bilakah isu itu dijangka dapat diselesaikan.

"Isu tuntutan sempadan ini telah berlarutan sejak dari merdeka lagi dan rakyat di Limbang khususnya mahu tahu keadaan sebenarnya," katanya.

Menjelas lanjut mengenai perkara itu di luar dewan, Sum berkata, status tuntutan yang tergantung itu menyebabkan orang ramai yang tinggal di sekitar kawasan itu teragak-agak untuk membina penempatan mereka kerana khuatir ia perlu diubah apabila isu tuntutan sempadan itu diselesaikan.

"Selagi masalah ini wujud, penempatan tidak dapat diadakan sehinggalah sempadan antara kedua-dua negara ditetapkan," katanya.

Keadaan itu juga telah menimbulkan kesulitan kepada golongan peniaga di kawasan sempadan khasnya di Kuala Lurai yang kebanyakannya hanya beroperasi secara sementara menyebabkan kebanyakan kemudahan yang disediakan tidak lengkap, katanya.

Pada Mei lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di dalam kenyataannya selepas bertemu Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, berkata beliau berharap isu Limbang akan dapat diselesaikan sebelum persaraannya bulan depan.

Katanya formula berhubung isu Limbang itu telahpun diserahkan kepada Brunei tidak lama dahulu.

Limbang, yang terletak bersempadan antara Brunei dan Sarawak, pernah dituntut oleh Brunei.

Nasaruddin Mat Isa (PAS-Yan) pula meminta kerajaan menjelaskan takrif sebenar istilah "ancaman keselamatan dalam negeri" yang katanya telah menimbulkan kekeliruan kepada banyak pihak.

Sebagai contoh, katanya, ialah kenyataan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk membenarkan rapat umum tetapi kemudian kerajaan tidak setuju dengan alasan ianya mengancam keselamatan negara atau boleh memberi kesan negatif kepada keamanan.

"Saya tidak tahu apakah sebenarnya takrif istilah ini kerana banyak sudah perkembangan yang berlaku dalam negara, yang beberapa tindakan diambil ke atas program, individu, kumpulan atau seseorang, atas alasan mengancam keselamatan dalam negeri," katanya.

Nasaruddin juga meminta kerajaan menjelaskan status perbincangan antara Kementerian Pertahanan dan SPR dalam menentukan wakil-wakil parti politik yang dibenarkan memasuki kem tentera untuk menyaksikan proses pengundian pos dijalankan di situ.

"Berdasarkan kenyataan Pengerusi SPR yang berjumpa Menteri Pertahanan, semacam ada jaminan satu jawapan akan diberikan tetapi sehingga kini masih belum terima," katanya.

Datuk Yap Pian Hon (BN-Serdang) pula membangkitkan soal pecahan kaum yang tidak seimbang dalam pasukan polis dan tentera, dengan berkata perkara itu tidak boleh dibiarkan.

Beliau mencadangkan agar satu jawatankuasa khas ditubuhkan bagi meyakinkan belia Cina dan India agar menyertai pasukan beruniform.

"Sebagai titik mula, mereka perlu digalakkan menyertai pasukan sukarela polis dan kadet polis di sekolah," katanya.

Perbahasan mengenai Bajet 2004 selama lapan hari yang bermula 15 Sept lepas berakhir hari ini. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan, membentangkan Bajet itu pada 12 Sept lepas.

Tiga hari mulai Isnin ini telah diperuntukkan untuk menteri, timbalan menteri atau setiausaha parlimen memberikan jawapan mengikut giliran kementerian masing-masing.

Dewan disambung Isnin ini.

-- BERNAMA

HM HM MAI